



**GARIS PANDUAN URUSAN
KENAIKAN PANGKAT
PENSYARAH
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
(TAHUN 2018)**

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik KUIN	
Kandungan	1
1.0 Tujuan	2
2.0 Syarat Kenaikan Pangkat	2
2.1 Syarat Skim	2
2.2 Syarat Am	5
2.3 Kriteria Penilaian	8
2.4 Kesimpulan	12
Lampiran	13
Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik	
Proses Kerja	16

**GARIS PANDUAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT
PENSYARAH
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
(UniSHAMS)
(TAHUN 2018)**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Dokumen ini menjelaskan syarat, kriteria, prosedur, proses dan kaedah pemarkahan kenaikan pangkat pensyarah UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH yang meliputi kenaikan pangkat gred-gred jawatan berikut di bawah Sistem Perkhidmatan UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH:
- a) kenaikan pangkat dari Gred DS45 ke Gred DS52;
 - b) kenaikan pangkat dari Gred DS51/52 ke Gred DS54 (Profesor Madya); dan
 - c) kenaikan pangkat dari Gred DS53/54 ke Gred Khas C (Profesor);
- 1.2 Polisi dan garis panduan ini **tidak terpakai** kepada kakitangan akademik bertaraf kontrak.
- 1.3 Kriteria Kenaikan pangkat adalah juka tertakluk kepada garis panduan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang diluluskan oleh Lembaga Pengelola Universiti (LPU).

2.0 SYARAT KENAIKAN PANGKAT

Pada umumnya kenaikan pangkat kakitangan akademik adalah **berasaskan kekosongan jawatan**. Kenaikan pangkat kakitangan akademik hendaklah berasaskan kepada **tahap kecemerlangan akademik** sebagaimana yang ditetapkan dalam **Skim Perkhidmatan UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH**, iaitu:

2.1 SYARAT SKIM

- 2.1.1 Bagi kakitangan dalam jawatan **Pensyarah Gred DS45 Tetap** adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan **Pensyarah Kanan Gred DS52** apabila telah:-
- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (ii) membuat Aku Janji;
 - (iii) melepasi (lulus) semua tahap penilaian dalam perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (iv) telah mengisytihar harta;

- (v) bebas dari tindakan tatatertib;
- (vi) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **istimewa mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengelola Universiti (LPU).
- (vii) diperakukan oleh Ketua Jabatan;

2.1.2 Bagi Kakitangan Akademik jawatan **Pensyarah Gred DS45 Kontrak** adalah layak dipertimbangkan bagi lantikan ke jawatan **Pensyarah Kanan Gred DS51** apabila telah:-

- (i) lulus semua penilaian tahap penilaian dalam perkhidmatan yang ditetapkan;
- (ii) telah mengisytihar harta;
- (iii) bebas dari tindakan tatatertib;
- (iv) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **istimewa mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah KUIN.
- (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan;

2.1.3 Bagi Kakitangan Akademik jawatan **Pensyarah Kanan Gred DS52 Tetap** adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan **Profesor Madya Gred DS54** apabila telah:-

- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) membuat Aku Janji;
- (iii) melepasi (lulus) semua tahap penilaian dalam perkhidmatan yang ditetapkan;
- (iv) telah mengisytihar harta;
- (v) bebas dari tindakan tatatertib;
- (vi) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **sangat istimewa mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengelola Universiti (LPU).
- (vii) diperakukan oleh Ketua Jabatan;

2.1.4 Bagi Kakitangan Akademik jawatan **Pensyarah Kanan Gred DS51 Kontrak** adalah layak dipertimbangkan bagi lantikan ke jawatan **Profesor Madya Gred DS53** apabila telah:-

- (i) melepasi (lulus) semua tahap penilaian dalam perkhidmatan yang ditetapkan;
- (ii) telah mengisytihar harta;
- (iii) bebas dari tindakan tatatertib;
- (iv) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **sangat istimewa mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengelola Universiti (LPU).
- (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan;

2.1.5 Bagi Kakitangan Akademik jawatan **Profesor Madya Gred DS54 Tetap** adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan **Profesor Universiti Gred VK7 Jawatan Utama Khas C** apabila telah :-

- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) membuat Aku Janji;
- (iii) melepasi (lulus) semua tahap penilaian dalam perkhidmatan yang ditetapkan;
- (iv) telah mengisytihar harta;
- (v) bebas dari tindakan tatatertib;
- (vi) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **terkemuka mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengelola Universiti (LPU).
- (vii) diperakukan oleh Ketua Jabatan;

2.1.6 Bagi Kakitangan Akademik jawatan **Profesor Madya Gred DS53 Kontrak** adalah layak dipertimbangkan bagi lantikan ke jawatan **Profesor Universiti Gred VK7 Jawatan Utama Khas C** apabila telah :-

- (i) melepasi (lulus) semua tahap penilaian dalam perkhidmatan yang ditetapkan;
- (ii) telah mengisytihar harta;
- (iii) bebas dari tindakan tatatertib;
- (iv) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **terkemuka mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah KUIN.
- (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan;

2.2 SYARAT AM

2.2.1 Kenaikan pangkat bagi Kakitangan Akademik jawatan Pensyarah **Gred DS45** ke jawatan Pensyarah Kanan **Gred DS52**, apabila telah:-

- i) calon hendaklah memperolehi Ijazah Kedoktoran daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dalam bidangnya; dan
- ii) telah berada sekurang-kurangnya 2 tahun dalam tempoh perkhidmatan di UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH untuk kenaikan kali pertama; dan
- iii) sekurang-kurangnya dua (2) Refereed Journal (secara minimum terdaftar dalam pengkalan data ISI/SCOPUS/ERA dan 50% sebagai penulis utama) atau satu (1) Refereed Journal (secara minimum terdaftar dalam pengkalan data ISI/SCOPUS/ERA dan 50% sebagai penulis utama) dan Satu (1) buah Buku Ilmiah dan mengikut kepada perubahan semasa daripada pihak pengurusan Universiti; dan
- iv) disahkan dalam Jawatan; dan
- v) diperakukan oleh Ketua Jabatan

2.2.2 Lantikan bagi Kakitangan Akademik jawatan Pensyarah **Gred DS45** Kontrak atau dari luar UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH ke jawatan Pensyarah Kanan **Gred DS51**, apabila telah:-

- i) calon hendaklah memperolehi Ijazah Kedoktoran daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dalam bidangnya; dan
- ii) telah berada sekurang-kurangnya 2 tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam akademik dari mana-mana institusi pendidikan tinggi; dan
- iii) sekurang-kurangnya dua (2) Refereed Journal (secara minimum terdaftar dalam pengkalan data ISI/SCOPUS/ERA dan 50% sebagai penulis utama) atau satu (1) Refereed Journal (secara minimum terdaftar dalam pengkalan data ISI/SCOPUS/ERA dan 50% sebagai penulis utama) dan Satu (1) buah Buku Ilmiah dan mengikut kepada perubahan semasa daripada pihak pengurusan Universiti; dan
- iv) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

2.2.3 Kenaikan pangkat bagi Kakitangan Akademik jawatan Pensyarah Kanan **Gred DS52** ke jawatan Professor Madya **Gred DS54**, apabila telah:-

- (i) calon hendaklah memperolehi Ijazah Kedoktoran daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dalam bidangnya; dan
- (ii) telah berada sekurang-kurangnya 2 tahun tempoh perkhidmatan dalam gred semasa di UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH; dan
- (iii) permohonan bagi jawatan Profesor Madya Gred **DS54** adalah juga tertakluk kepada garis panduan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang diluluskan oleh Lembaga Pengelola Universiti; dan
- (iv) sekurang-kurangnya lima (5) Refereed Journal (secara minimum 50% terdaftar dalam pengkalan data ISI/SCOPUS/ERA dan 50% sebagai penulis utama) dan satu (1) buah Buku Ilmiah iaitu penerbitan yang diiktiraf MyRA, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan mengikut kepada perubahan semasa daripada pihak pengurusan Universiti. **(Rujuk Lampiran Markah)**; dan
- (v) sekurang-kurangnya dua (2) calon Sarjana yang telah bergraduat, sebagai penyelia utama atau bersama.
- (vi) memenuhi garis panduan kenaikan pangkat kakitangan akademik bagi jawatan Profesor Madya Gred **DS54 (Rujuk lampiran kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor dan Profesor Madya)**; dan
- (vii) diperakui oleh Ketua Jabatan.

2.2.4 Lantikan bagi Kakitangan Akademik jawatan Pensyarah Kanan **Gred DS51** Kontrak atau dari luar UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH ke jawatan Professor Madya **Gred DS53**, apabila telah:-

- (i) calon hendaklah memperolehi Ijazah Kedoktoran daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dalam bidangnya; dan
- (ii) telah berada sekurang-kurangnya 2 tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam akademik dari mana-mana institusi pendidikan tinggi; dan
- (iii) permohonan bagi jawatan Profesor Madya Gred **DS53** adalah juga tertakluk kepada garis panduan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang diluluskan oleh Lembaga Pengelola Universiti (LPU); dan

- (iv) sekurang-kurangnya lima (5) Refereed Journal (secara minimum 50% terdaftar dalam pengkalan data ISI/SCOPUS/ERA dan 50% sebagai penulis utama) dan satu (1) buah Buku Ilmiah iaitu penerbitan yang diiktiraf MyRA, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan mengikut kepada perubahan semasa daripada pihak pengurusan Universiti. **(Rujuk Lampiran Markah)**; dan
- (v) sekurang-kurangnya dua (2) calon Sarjana yang telah bergraduat, sebagai penyelia utama atau bersama.
- (vi) Memenuhi garis panduan kenaikan pangkat kakitangan akademik bagi jawatan Profesor Madya Gred **DS54 (Rujuk lampiran kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor dan Profesor Madya)**; dan
- (vii) diperakui oleh Ketua Jabatan.

2.2.5 Kenaikan pangkat bagi Kakitangan Akademik jawatan Professor Madya **Gred DS54** ke jawatan **Profesor Universiti Gred VK7 Jawatan Utama Khas C**, apabila telah:-

- (i) calon hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya Ijazah Kedoktoran dalam bidangnya; dan
- (ii) telah melebihi 5 tahun dalam tempoh perkhidmatan di UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH; dan
- (iii) permohonan bagi jawatan Profesor adalah juga tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan diluluskan oleh Lembaga Pengelola Universiti; dan
- (iv) sekurang-kurangnya sepuluh (10) Refereed Journal (secara minimum 50% terdaftar dalam pengkalan data ISI/SCOPUS/ERA dan 50% sebagai penulis utama) dan dua (2) buah Buku Ilmiah iaitu penerbitan yang diiktiraf MyRA, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan mengikut kepada perubahan semasa daripada pihak pengurusan Universiti. **(Rujuk Lampiran Markah)**; dan
- (v) sekurang-kurangnya satu (1) calon Doktor Falsafah yang telah bergraduat, sebagai penyelia utama atau bersama.
- (vi) Memenuhi garis panduan kenaikan pangkat kakitangan akademik bagi jawatan **Profesor Universiti Gred VK7 Jawatan Utama Khas C (Rujuk lampiran kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor dan Profesor Madya)**; dan
- (vii) diperakui oleh Ketua Jabatan

2.2.6 Lantikan bagi Kakitangan Akademik jawatan Professor Madya **Gred DS53** ke jawatan **Profesor Universiti Gred VK7 Jawatan Utama Khas C**, apabila telah:-

- (i) calon hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya Ijazah Kedoktoran dalam bidangnya; dan
- (ii) telah berada sekurang-kurangnya 5 tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam akademik dari mana-mana institusi pendidikan tinggi; dan
- (iii) permohonan bagi jawatan Profesor adalah juga tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan diluluskan oleh Lembaga Pengelola Universiti; dan
- (viii) sekurang-kurangnya sepuluh (10) Refereed Journal (secara minimum 50% terdaftar dalam pengkalan data ISI/SCOPUS/ERA dan 50% sebagai penulis utama) dan dua (2) buah Buku Ilmiah dan penerbitan yang diiktiraf MyRA, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan mengikut kepada perubahan semasa daripada pihak pengurusan Universiti. **(Rujuk Lampiran Markah)**; dan
- (iv) sekurang-kurangnya satu (1) calon Doktor Falsafah yang telah bergraduasi, sebagai penyelia utama atau bersama.
- (v) Memenuhi garis panduan kenaikan pangkat kakitangan akademik bagi jawatan **Profesor Universiti Gred VK7 Jawatan Utama Khas C (Rujuk lampiran kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor dan Profesor Madya)**; dan
- (vi) diperakui oleh Ketua Jabatan

2.3 KRITERIA PENILAIAN

Prinsip Umum kenaikan pangkat.

- (i) Penilaian untuk permohonan kenaikan pangkat adalah berdasarkan hasil kerja dan sumbangan selepas seseorang calon menjawat gred yang terkini.
- (ii) Mencapai markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sebanyak 80% bagi tiga (3) tahun sebelumnya.
- (iii) Mencapai tahap kecemerlangan melalui aktiviti-aktiviti berikut :-
 - (a) pengajaran dan penyeliaan;
 - (b) penyelidikan dan penerbitan;

- (c) perundingan dan kepakaran;
 - (d) persidangan;
 - (e) khidmat kepada Universiti;
 - (f) khidmat kepada masyarakat;
 - (g) sanjungan dan kepimpinan.
- (iv) Secara umumnya setiap pegawai akademik akan dinilai berasaskan kepada prinsip-prinsip penilaian berikut:-

PRINSIP	PENILAIAN
Pengajaran dan pembelajaran	Penilaian dibuat khusus untuk aktiviti-aktiviti utama akademik melalui sistem pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan (lebih terkini, lebih "hand-on", DSb.)
Penyelidikan & Penerbitan	Penilaian dibuat berdasarkan kepada keunggulan, kecemerlangan dan keserjanaan pensyarah dalam bidang penyelidikan dan penerbitan serta persidangan yang diikuti.
Perundingan dan Kepakaran	Penilaian dibuat berdasarkan kepada perundingan dan kepakaran dalam bidang akademik dan sebagainya.
Persidangan	Penilaian dibuat berdasarkan kepada persidangan yang diikuti.
Khidmat kepada Universiti dan Khidmat kepada Masyarakat	Khidmat adalah termasuk penglibatan calon di dalam aktiviti-aktiviti universiti dan kemasyarakatan secara akademik atau bukan akademik mahupun usaha-usaha secara tidak langsung mengharumkan nama baik Universiti.
Sanjungan Peribadi dan Kepimpinan	Penilaian merangkumi penglibatan dan kepimpinan calon di dalam aktiviti pentadbiran dan pembangunan akademik serta kualiti peribadi yang ditunjukkan oleh calon sepanjang tempoh perkhidmatan.

(v) Pemberat setiap Prinsip Umum mengikut Gred Jawatan.

(a) Profesor Universiti (JU,VK)

PRINSIP	WAJARAN PEMBERAT (%)
1. Pengajaran dan pembelajaran	30
2. Penyeliaan	10
3. Penyelidikan	10
4. Penerbitan	10
5. Perundingan/Penasihat/Pakar Rujuk	10
6. Sanjungan dan Kepimpinan Akademik	5
7. Sumbangan kepada Universiti dan Masyarakat	5
8. Kualiti Peribadi	20
KESELURUHAN MARKAH	100

(b) Profesor Madya (DS53/54)

PRINSIP	WAJARAN PEMBERAT (%)
1. Pengajaran dan pembelajaran	40
2. Penyeliaan	5
3. Penyelidikan	10
4. Penerbitan	10
5. Perundingan/Penasihat/Pakar Rujuk	5
6. Sanjungan dan Kepimpinan Akademik	5
7. Sumbangan kepada Universiti dan Masyarakat	5
8. Kualiti Peribadi	20
KESELURUHAN MARKAH	100

(c) Pensyarah Kanan (DS51/52)

PRINSIP	Wajaran Pemberat (%)
1. Pengajaran dan pembelajaran	50
2. Penyeliaan	5
3. Penyelidikan	5
4. Penerbitan	5
5. Perundingan/Penasihat/ Pakar Rujuk	5
6. Sanjungan dan Kepimpinan Akademik	5
7. Sumbangan kepada Universiti dan Masyarakat	5
8. Kualiti Peribadi	20
KESELURUHAN MARKAH	100

2.4 KESIMPULAN

- 2.4.1 Walau bagaimanapun, seseorang pegawai hanya boleh dipertimbangkan bagi lantikan dan kenaikan pangkat jika pegawai itu telah memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan jika terdapat kekosongan dan keperluan dalam jawatan kenaikan pangkat itu, melainkan jika skim perkhidmatan memperuntukkan selainnya.
- 2.4.2 Sebarang perubahan skim perkhidmatan di sektor kerajaan tidak mengikat UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH untuk perubahan Skim perkhidmatan UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH dan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengelola Universiti (LPU).

DISEDIAKAN OLEH:

**JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH**

**GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM
SHAH
KE JAWATAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) & PROFESOR MADYA GRED
DS54**

BIL.	PROSES KERJA	TINDAKAN
1.	Semua ahli akademik perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan di samping menentukan Komitmen Kerjaya (3 tahun) bagi menilai kecemerlangan dalam salah satu komponen berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Komponen 1 : Pengajaran & Pembelajaran (P&P) ▪ Komponen 2 : Penyelidikan & Inovasi (P&I) ▪ Komponen 3 : Khidmat & Pentadbiran (K&P) 	Calon
2.	Maklumat diperakukan oleh Ketua Jabatan dan calon boleh menyemak status permohonan melalui Ketua Jabatan.	Ketua Jabatan
3.	Jabatan Pendaftar mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kesepakatan bagi menilai calon berdasarkan mutu yang istimewa, iaitu kualiti dan kekuatan keserjanaan calon, seterusnya mengemukakan laporan.	Jabatan Pendaftar

Keahlian Jawatankuasa Kesepakatan adalah seperti berikut:

JK Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Gred Khas C (VK7)
Pengerusi : Timbalan Rektor Akademik & Antarabangsa
Ahli : Dekan Kuliyyah
: Seseorang Profesor dari KUIN atau luar dalam bidang kepakaran calon
Setiausaha : Pegawai Tadbir (Gred 41 ke atas) Jabatan Pendaftar

JK Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Madya (Gred 54)
Pengerusi : Timbalan Rektor Akademik & Antarabangsa
Ahli : Dekan Kuliyyah
: Seseorang Prof./Profesor Madya dari KUIN atau luar dalam bidang kepakaran calon
Setiausaha : Pegawai Tadbir (Gred 41 ke atas) Jabatan Pendaftar

*Pengerusi boleh menjemput ahli lain yang lebih tinggi / setara sebagai **Turut Hadir** untuk memberikan input dalam bidang / kepakaran calon jika perlu.

- | | | |
|----|--|-------------------|
| 4. | Jabatan Pendaftar perlu memaklumkan keputusan Jawatankuasa Kesepakatan dan sebab-sebab tidak berjaya kepada calon yang tidak diperakukan. | Jabatan Pendaftar |
| 5. | Jabatan Pendaftar mendapatkan laporan-laporan Pengadil Peribadi yang dinamakan oleh calon dan Penilai Luar yang dinamakan oleh Jawatankuasa Kesepakatan bagi calon yang diperakukan oleh Jawatankuasa Kesepakatan. | Jabatan Pendaftar |
| 6. | <p>Kulliyah / Pusat Pengajian perlu mendapatkan :</p> <p>(a) Laporan daripada Pengadil Peribadi :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ 2 laporan untuk Profesor; dan ▪ 2 laporan untuk Profesor Madya; <p>(b) Jabatan Pendaftar perlu mendapatkan laporan Penilai Luar yang menyokong permohonan calon Profesor/ Profesor Madya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Profesor:- <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sekurang-kurangnya 2 Penilai Antarabangsa (Luar Negara)
(1 Penilai yang memberi maklum balas yang positif) ▪ 3 Penilai dalam negara; dan
(2 Penilai yang memberi maklum balas yang positif) ▪ Penilai luar adalah bertaraf Profesor. • Profesor Madya: <ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 Penilai dalam/luar Negara
(2 Penilai yang memberi maklum balas yang positif) ▪ Penilai adalah Profesor Madya/ Profesor. | Kulliyah |
| 7. | <p>Bayaran saguhati diuruskan oleh Jabatan Pendaftar kepada ahli /penilai dengan amaun berikut:</p> <p>(a) Ahli Jawatankuasa Kesepakatan dari luar Universiti yang dilantik, layak dibayar saguhati sebanyak RM500.00</p> <p>(b) Penilai luar yang telah memberikan laporan penilai calon layak dibayar saguhati sebanyak RM500.00</p> | Jabatan Pendaftar |

8. Jabatan Pendaftar akan mengaturkan JK Pemilih Kenaikan Pangkat Profesor atau Profesor Madya dengan keahlian seperti dibawah:

JK Pemilih Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) dan JK Pemilih Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Madya (Gred 54)	
Pengerusi	: Rektor
Ahli	: 1 orang Ahli LPU 2 orang Ahli Senat Dekan / Pengarah
Setiausaha	: Pendaftar
Urusetia	: Pegawai Tadbir (Gred 41 ke atas) Jabatan Pendaftar

- | | | |
|-----|---|-------------------|
| 9. | Keputusan yang dibuat oleh JK Pemilih Kenaikan Pangkat akan dibawa kepada kelulusan Jawatankuasa Tetap Perjawatan & Perkhidmatan dan pemakluman Lembaga Pengelola Universiti (LPU) bagi jawatan Profesor. | Jabatan Pendaftar |
| 10. | Jabatan Pendaftar akan mengeluarkan surat keputusan kepada calon. | Jabatan Pendaftar |
| 11. | Jawatankuasa Pemilih kenaikan Pangkat Staf Akademik dijadualkan mengikut keperluan. | Jabatan Pendaftar |

**PROSES KERJA
KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
KE JAWATAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) & PROFESOR MADYA GRED 54**

